

## Kerjasama dua hala ditingkat

Oleh ZULKIFLI JALIL dan SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH  
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 5 Mei – Malaysia dan Lesotho bertekad mengukuhkan pembangunan modal insan kedua-dua negara dengan komitmen Polis Diraja Malaysia (PDRM) melatih pasukan polis negara itu dalam waktu terdekat.

Pada masa sama, Kuala Lumpur juga akan melatih sesetengah diplomat Lesotho di sini bermula Oktober ini.

Ia dicapai hasil mesyuarat dua hala Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan rakan sejawatnya, Pakalitha Mosisili di Bangunan Perdana Putra di sini.

“Kita mengadakan perbincangan dua hala yang sangat berhasil dan menarik. Kita telah meneroka kerjasama dua hala yang baru dan Perdana Menteri (Mosisili) sangat berminat agar Malaysia terus menyokong Lesotho khususnya dalam pembangunan modal insan dan latihan.

“Sejak kita lancarkan MTCP (Program Kerjasama Teknikal Malaysia), kita telah menerima 94 pegawai dari Lesotho dalam pelbagai latihan dan program latihan ini di bawah MTCP akan diteruskan pada masa akan datang,” kata Najib pada sidang akhbar bersama Mosisili hari ini.

Ini merupakan lawatan pertama Mosisili ke Malaysia meskipun pernah berada di negara ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1997, 1999, 2002 dan 2007.

Mengulas lanjut mengenai latihan polis, Najib berkata, Mosisili membuat permintaan tertentu agar PDRM melatih pegawainya di Lesotho khususnya dalam bidang ketenteraman awam dan keselamatan termasuk penambahbaikan kemampuannya.


“Saya gembira memaklumkan bahawa kerajaan Malaysia bersedia untuk menyokong permintaan ini dengan menghantar beberapa jurulatih kita dan program latihan ini akan dimulakan dalam tempoh terdekat,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga menerima permintaan Lesotho agar diplomatnya menjalani program latihan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di Kuala Lumpur.

Menurut Najib, kerajaan turut menyediakan dua inisiatif daripada syarikat swasta Malaysia untuk membantu Lesotho membangunkan bidang pendidikan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

“Universiti Limkokwing akan mendirikan cawangan di sana yang turut dilengkapi pusat digital dan pada masa sama beberapa pelajar dari Lesotho akan menyambung pengajian di universiti tersebut.

“Selain itu, syarikat Iris iaitu sebuah syarikat dari Malaysia yang mempunyai kapasiti dalam mengeluarkan passport dan kad pengenalan juga akan terlibat dalam program kerjasama dengan negara itu,” katanya.



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan Pakalitha Mosisili selepas sambutan rasmi sempena lawatan Perdana Menteri Lesotho itu ke Malaysia di Dataran Putra, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. – BERNAMA